

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : PERSIDANGAN KEBANGSAAN HE PAN-PACIFIC AND SOUTH-EAST ASIA WOMEN  
Lokasi : HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 24-04-1997

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah izin-Nya dapat kita bersama-sama di majlis perasmian pada pagi ini. Walaupun terdapat pelbagai pergolakan di beberapa wilayah di dunia ini yang mengakibatkan kanak-kanak dan wanita menjadi mangsa tetapi kita di negara ini masih dapat mengecapi suasana aman dan damai. Semoga keamanan dan kesejahteraan ini akan terus berkekalan.

2. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur dan mengalu-alukan kedatangan tuan-tuan dan puan-puan ke persidangan kebangsaan PPSEAWA.

3. Abad ke-21 hampir tiba dan kita perlu bersiap sedia untuk menghadapinya. Gaya hidup khususnya bagi wanita akan mengalami perubahan yang radikal berbanding dengan tahun-tahun awal dalam abad ini. Dengan kewujudan multimedia dalam hidup kita hari ini, berbagai-bagai maklumat boleh diterima dengan begitu pantas. Namun demikian, pada masa yang sama, wanita menghadapi bahaya dan cabaran akibat perubahan sistem kekeluargaan dan wabak penyakit Aids. Justeru itu, wanita perlu bersedia menghadapinya dengan tabah, berdayatahan dan berupaya memandu keluarga yang mempunyai nilai-nilai dan etika yang tinggi serta gaya hidup yang sihat.

4. Kemajuan wanita dalam pendidikan dan kuasa (Governance) merupakan dua bidang utama yang perlu dipertingkatkan lagi. Dua pertiga daripada penduduk yang buta huruf terdiri daripada kaum wanita sedangkan 55 peratus kanak-kanak perempuan berada di bangku sekolah berbanding dengan kanak-kanak lelaki. Tetapi hanya 10 peratus sahaja kerusi parlimen dan 6 peratus keanggotaan kabinet diperuntukkan kepada wanita.

5. Persidangan dunia ke empat mengenai wanita di Beijing telah mengakui bahawa matlamat untuk kemajuan wanita dan persamaan di antara lelaki dan wanita yang telah ditetapkan sepuluh tahun yang lalu di persidangan Nairobi pada tahun 1985, masih belum lagi dicapai. Krisis politik, ekonomi dan ekologi telah mengakibatkan berlakunya peperangan, konflik senjata dan perang saudara. Dalam suasana kekacauan dan keganasan sedemikian, kaum wanita dan kanak-kanak sering menjadi mangsa.

6. Landasan bertindak hasil dari persidangan Beijing telah mengenalpasti 12 bidang kritikal yang perlu diberi perhatian oleh Kerajaan, agensi antarabangsa, badan-badan bukan Kerajaan dan sektor swasta. Bidang-bidang ini bukanlah isu-isu wanita semata-mata, tetapi ianya juga meliputi isu-isu pembangunan ekonomi serta pembangunan sosial. Cabaran-cabaran ini memerlukan penglibatan kaum lelaki dan wanita untuk mencapai matlamat hak persamaan, keamanan dan pembangunan. Setiap negara anggota dan NGO perlu mengadakan pelan tindakan strategik untuk menangani bidang-bidang yang kritikal ini. Input daripada semua NGO adalah sangat penting.

7. Kemiskinan berlaku di merata dunia, sama ada secara nyata atau terselindung, di negara-negara yang kaya atau yang miskin. Kesannya terhadap manusia - lelaki, wanita dan kanak-kanak - sama ada sebagai individu atau keluarga, sangat menghampakan dan menyayat hati. Kita telah menyaksikan di beberapa negara keadaan kemiskinan yang berkekalan, menyebabkan buta huruf, penyakit, kekurangan makanan, keadaan yang tidak selamat dan tidak memiliki rumah. Keadaan yang terdesak ini menyebabkan mereka sanggup melakukan jenayah dan perbuatan yang tidak bermoral.

8. Daripada 1.3 bilion manusia miskin sedunia yang menyara diri dengan kemampuan yang kurang daripada US\$1.00 sehari, lebih daripada 900 juta adalah wanita dan juga kebanyakan mereka ialah di luar bandar.

9. Mengikut laporan pembangunan manusia pada tahun 1995, terdapat anggaran 300 juta penduduk di Rantau Asia Selatan yang tidak memiliki bekalan makanan yang mencukupi. Kaum wanita dan kanak-kanak menjadi mangsa dan paling menderita. Terdapat 80 peratus wanita yang hamil mengalami

kekurangan darah atau anemia dan satu pertiga daripada bayi mengalami kurang berat badan ketika dilahirkan. Jangka hayat wanita yang lebih pendek berbanding dengan lelaki hanya berlaku di rantau Asia Selatan seperti di negara-negara Bangladesh, Maldives dan Nepal.

10. Dalam tahun 1990, terdapat hampir 170 juta penduduk yang miskin dan lebih daripada 2 juta dijangkiti HIV di rantau Asia Timur dan Asia Tenggara. Kemudahan bekalan air yang bersih dan sanitasi asas di rantau Asia Tenggara dan Pasifik, adalah pada paras dua pertiga sahaja daripada kemudahan yang terdapat di bandar-bandar. Kadar kematian ibu bersalin di rantau Asia Tenggara dan Pasifik ialah 295 daripada 100,000 kelahiran hidup. Ini merupakan 3 kali ganda melebihi Asia Timur iaitu pada kadar 92 daripada 100,000 kelahiran hidup.

11. Walau bagaimanapun berbagai-bagai usaha dan program intervensi untuk mengurangkan kemiskinan telah dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan walaupun dalam keadaan yang begitu sukar yang dikaitkan dengan kemiskinan, tekanan kependudukan, pertumbuhan ekonomi yang lembab dan adakalanya dilanda bencana alam seperti banjir, ribut taufan dan sebagainya.

12. Negara kita amat bertuah kerana pembangunan yang pesat telah dijayakan dalam suasana aman dan kepimpinan yang stabil. Kini kita sedang menyaksikan pelaksanaan Rancangan Malaysia ke-7. Kebelakangan ini beberapa program pembangunan sosial telah berjaya dikembangkan ke seluruh negara dengan sokongan daripada Kerajaan serta komuniti dan rangkaian infrastruktur dan kemudahan awam negara yang sangat lengkap dan bersepadu. Keadaan ini adalah hasil daripada visi pemimpin-pemimpin rakyat, usaha-usaha yang tekun, serta dasar dan perancangan pembangunan yang sistematik.

13. Negara kita Malaysia mempunyai iltizam untuk mewujudkan masyarakat penyayang, dimana semua rakyat berbilang kaum, agama dan status sosio ekonomi hidup dalam suasana harmoni dan aman damai. Semua lapisan masyarakat berpeluang mengecapi kekayaan dan kemakmuran negara. Pada masa yang sama, kita juga mempunyai wawasan untuk menjadi sebuah negara moden dan perindustrian yang maju. Kita perlu berpadu tenaga untuk mewujudkan masyarakat penyayang. Dengan demikian kita dapat mengukuhkan jalinan persahabatan dan kesetiaan terhadap negara dan mengekalkan identiti kita yang unik. Kita juga boleh membantu negara-negara lain yang kurang bernasib baik untuk merealisasikan potensi mereka.

14. Tema bagi persidangan kebangsaan dan antarabangsa PPSEAWA kali ini yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Ogos nanti ialah 'strengthening alliances for a better world towards the 21st century'. Tema ini menepati masa dan kepentingannya. Kita semua dahagakan dunia yang aman tanpa konflik dalaman dan keganasan antarabangsa. Masyarakat dunia terus berusaha untuk mencapai keamanan, tetapi kejayaannya terbatas. Saya ingin bertanya "mengapa"? Mungkin, sudah sampai masanya kaum wanita sebagai individu, NGO dan anggota Kerajaan memainkan peranan yang lebih proaktif dan positif ke arah usaha ini. Persidangan ini merupakan satu langkah yang kecil tetapi menjadi permulaan yang sangat penting untuk mewujudkan kesedaran dan menyatukan wanita di peringkat tempatan, kebangsaan dan global untuk memainkan peranan yang lebih besar ke arah dunia yang lebih aman dan sejahtera.

15. Ke arah ini, peranan organisasi-organisasi wanita tidak seharusnya terhad kepada wanita untuk wanita sahaja. Ia sepatutnya melibatkan kerjasama kaum lelaki dan wanita untuk mencapai matlamat yang sama. Untuk memastikan potensi dan sumber-sumber dapat dimanfaatkan secara optimum, unsur-unsur networking, kerjasama, perkongsian baru dan strategik adalah penting.

16. Persidangan ini akan membincangkan empat sub tema yang merangkumi peranan pertumbuhan-pertumbuhan wanita, governance, kerjasama serantau dan antarabangsa dan sumber-sumber untuk membantu wanita dan kanak-kanak yang mengalami kesusahan. Kita tentunya akan memperoleh pendapat dan idea apabila mendengar pandangan dan pengalaman daripada pakar-pakar rujuk dalam pembentangan kertas mereka nanti. Pihak penganjur sangat-sangat mengharap penglibatan sepenuhnya daripada peserta-peserta ketika bengkel yang akan menyusuli nanti dan mengemukakan saranan di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa. Input persidangan ini adalah penting sebagai persediaan untuk persidangan antarabangsa dan untuk diketengahkan sebagai saranan/resolusi

Malaysia bagi membentuk pelan tindakan antarabangsa PPSEAWA ke arah mencapai matlamat hak kesamaan, pembangunan dan keamanan.

17. Saya berdoa semoga usaha kita dalam persidangan ini beroleh kejayaan.

18. Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya merasmikan Persidangan Kebangsaan PPSEAWA.